

15 MAC 2017

Geng edar dadah tumpas dalam dua serbuan

50

DARI PAHANG

Geng edar dadah tumpas dalam dua serbuan

MARAN - Polis berjaya menumpaskan geng pengedar dadah dengan merampas lebih dua kilogram dadah pelbagai jenis bernilai RM54,800 di dua serbuan berbeza di Chenor dan Sungai Jerik, di sini.

Ketua Polis Daerah Maran, Deputi Superintenden Mazlan Hassan berkata, enam lelaki berusia 19 dan 42 tahun ditangkap Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Maran, bagi membantu siasatan.

Dalam serbuan pertama jam 11.15 malam pada 8 Mac lalu, bertempat di belakang tandas Plaza Tol Chenor, seorang lelaki berusia 25 tahun yang bekerja sebagai juru-elektrik ditangkap kerana disyaki terlibat mengedar dadah.

"Ketika kejadian, berlaku pergelutan antara suspek dan pihak serbuan kerana suspek bertindak agresif serta cuba melepaskan diri setelah ditangkap. Hasil serbuan ini polis merampas 1.816 kg heroin, 100.73 gram syabu dan 27.82 gram eramin. Suspek ditahan reman bermula 9 hingga 15 Mac ini.

"Dalam serbuan kedua pada jam 5.30 pagi, 11 Mac, juga bertindak atas maklumat dan risikan, polis telah menyerbu sebuah rumah sewa di Sungai Jerik di sini. Lima le-



Mazlan (dua, kiri) menunjukkan dadah yang dirampas.

laki ditangkap dengan tiga daripada mereka ialah pekerja ladang manakala dua lagi penganggur.

"Hasil serbuan itu, polis telah merampas 57.75 gram syabu, 44.93 gram heroin, 2.94 gram ganja serta 5 gram eramin 5," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Maran, di sini, semalam.

Kesemua suspek bagi kedua-dua kes kini direman di bawah Seksyen 117 KPJ untuk siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah

Berbahaya 1952.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman mandatori, gantung sampai mati.

Polis menyeru orang ramai agar terus bekerjasama dengan menyalurkan maklumat sebarang kegiatan jenayah di kawasan komuniti setempat.

"Maklumat inilah yang diharapkan polis untuk membanteras, mencegah dan mengurangkan kadar jenayah di daerah kita," katanya.